

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini memberikan maklumat awal yang berkaitan dengan kajian, iaitu latar belakang, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan, skop dan batas kajian, sejarah ringkas akhbar *Berita Harian*, kaedah dan kerangka analisis serta definisi konsep.

1.2 Latar Belakang

Kewartawanan sebagai subbidang komunikasi massa dapat ditelusur sejarah permulaannya dalam Zaman Pembaharuan (*Renaissance*) pada abad ke-16 (Siebert, Peterson, dan Schramm, 1956). Sebelum munculnya era komunikasi elektronik, seperti radio, televisyen dan internet, bidang kewartawanan bersinonim dengan akhbar dan majalah.

Malcom M.Wiley, tokoh yang berwibawa dalam bidang jurnalisme menggariskan fungsi akhbar sebagai yang berikut :

- (i) fungsi berita;
- (ii) fungsi editorial;
- (iii) fungsi latar belakang;
- (iv) fungsi hiburan;
- (v) fungsi iklan;
- (vi) fungsi ensiklopedik.

(Simmons, 1947:91)

Dalam konteks kajian ini, fungsi berita dan fungsi editorial merupakan bentuk penulisan kewartawanan yang relevan. Untuk menghasilkan penulisan kewartawanan, baik dalam bentuk berita mahupun editorial, beberapa kriteria perlu diberi perhatian.

Bruce D. Itule dan Douglas A. Anderson (1994) menggariskan kriteria yang berikut:

- (i) kesemasaan (berkaitan dengan sesuatu peristiwa baharu atau yang sedang berlaku); (kandungan yang relevan dengan pembaca setempat);
- (ii) konflik (peristiwa atau perkara yang mencerminkan atau mengisahkan konflik antara manusia dengan institusi);
- (iii) kesan dan dampak (kesan penulisan kewartawanan terhadap pembaca, misalnya dari segi ekonomi, emosi dan sebagainya);
- (iv) tarikan (kandungan penulisan kewartawanan yang mengandungi unsur-unsur yang unik dan menarik minat pembaca).

Harry W. Stonecipher pula dalam perbincangan tentang rencana pengarang atau editorial sebagai suatu bentuk penulisan kewartawanan mengemukakan prinsip-prinsip penulisan rencana pengarang yang penting. Prinsip-prinsip ini sebenarnya dapat juga diterapkan untuk penulisan berita. Antara prinsip yang pokok termasuklah:

- (i) pemilihan subjek;
- (ii) pemerolehan fakta;
- (iii) refleksi;
- (iv) penguasaan teknik-teknik pembujukan (*persuasive*);
- (v) kredibiliti
- (vi) maklumat balas;
- (vii) dasar akhbar.

Berkaitan dengan penghasilan penulisan kewartawanan yang bermutu, Mohd Sidin Ahmad Ishak (1999) menekankan perlunya penulisan kewartawanan mengelakkan *virus* yang melemahkan penulisan itu. Unsur-unsur tersebut ialah *trivia* (tumpuan perhatian kepada unsur-unsur luaran tanpa menyingkap signifikannya), stereotaip (bentuk dan isi laporan yang berulang tentang perkara yang sedikit sahaja kebenarannya, tetapi umumnya salah), sensasi (tumpuan kepada memenuhi selera), propaganda (hujah yang mempesonakan tetapi menenggelamkan berita) dan syarahan (pengulangan nasihat secara berlebihan). Kajian ini akan turut memberikan perhatian kepada isu ini di samping meneliti gaya penulisan kewartawanan yang berkesan dalam korpus yang dipilih, iaitu berita dalam akhbar *Berita Harian*. (Tinjauan persuratan tentang kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan kajian ini akan disentuh dalam Bab 2).

Kewartawanan sebagai subbidang komunikasi massa menggunakan bahasa sebagai wahananya. Acuan bahasa yang menampung isi kewartawanan itu dibentuk berasaskan prinsip-prinsip linguistik yang berkaitan dengan jaringan hubung kait yang rumit antara pembicara atau penulis dengan khalayak. Bidang yang menangani hal tersebut dikenal sebagai retorik (Dixon, 1991). Retorik yang muncul sejak abad ke-5 sebelum Masihi di Pulau Sicily pada zaman Yunani sehingga ke zaman Rumawi berkembang sebagai seni pidato, iaitu berkaitan rapat dengan wacana lisan.

Walau bagaimanapun, sesudah keruntuhan Republik Rumawi, iaitu bermulanya abad pertengahan, retorik telah mula berkembang sebagai disiplin yang turut meliputi bidang kesusasteraan. Daripada konsepnya yang menekankan keberkesanan pengucapan, retorik berkembang menjadi wahana keberkesanan komunikasi yang lebih luas, termasuk penulisan. Kewartawanan yang menghubungkan penulis atau penyampai

maklumat dengan khalayak tidak terkecuali daripada keperluan memenuhi ciri penyampaian yang berkesan melalui bahasa. Dalam konteks inilah kajian ini tertumpu pada penulisan kewartawanan Melayu dengan memperhatikan penerapan prinsip-prinsip retorik, iaitu untuk melihat keberkesanan penulisan kewartawanan Melayu. (Pemerian retorik secara khusus dibincangkan dalam Bab 3.)

1.3 Pernyataan Masalah

Sebagai alat penyaluran maklumat yang sekali gus menjadi salah satu alat komunikasi penting dalam masyarakat, bidang kewartawanan bukan hanya berhasil melaksanakan peranannya melalui pengutaraan maklumat sahaja. Keberkesanan kewartawanan turut bergantung pada keberkesanan gaya penyampaiannya. Oleh sebab saluran atau media kewartawanan adalah melalui bahasa, maka keberkesanan penggunaan bahasa atau retorik kewartawanan yang menghasilkan berita atau rencana perlu turut dititikberatkan.

Retorik kewartawanan dari sudut linguistik tercakup dalam kajian laras bahasa. Laras bahasa dalam konteks kajian ini ditentukan oleh ciri kekhususan bidang. Kewartawanan sebagai satu bidang khusus memiliki ciri-ciri bahasa yang relatif berbeza daripada laras bahasa bidang-bidang lain. Hal yang sama berlaku bagi bidang seperti undang-undang, tulisan ilmiah, laporan dan tulisan kreatif.

Ciri-ciri khusus laras bahasa bidang kewartawanan yang dapat diistilahkan sebagai *retorik kewartawanan* menjadi asas norma dalam penulisan kewartawanan. Kejituan dan profesionalisme pengendali bidang tersebut turut ditentukan oleh penguasaan terhadap norma tersebut. Keterikatan antara kandungan dengan gaya

penyampaian adalah satu kesatuan.. Kajian aspek tersebut akan dapat menggambarkan gaya kewartawanan Melayu yang panjang sejarahnya.

Sejarah kewartawanan Melayu di Alam Melayu bermula pada suku pertama abad ke-19 dengan terbitnya *Bustan Arifin*, (1821), iaitu majalah bahasa Melayu bertulisan Jawi yang merupakan satu alat penyebaran ajaran kitab (Kristian) Injil di kalangan orang Melayu oleh pengembang agama Kristian (Ahmat Adam, 1994). Dalam konteks negara ini, khususnya di Semenanjung Tanah Melayu, kajian A.M. Iskandar Haji Ahmad (1980) tentang persuratkhabaran Melayu dari tahun 1876 hingga 1968 menyenaraikan sejumlah 477 surat khabar/majalah yang semua isinya berbahasa Melayu, 44 daripadanya mengandungi pelbagai bahasa dan lapan yang penerbitannya diusahakan oleh pelajar-pelajar Melayu di luar negara. Dengan perkembangan sosial, politik, ekonomi dan pendidikan yang pesat dalam tempoh sesudah itu, jumlah akhbar dan majalah yang terbit di negara ini meningkat dengan nyata.

Dengan perkembangan yang telah membentuk satu tradisi itu, satu analisis yang bersifat pemerian dan penilaian tentang retorik kewartawanan Melayu memerlukan penelitian tuntas. Kajian kewartawanan Melayu tidak seharusnya hanya tertumpu pada penelitian kandungan atau isu-isu dalam terbitan kewartawanan Melayu. Kajian-kajian setakat ini lebih banyak berfokus pada aspek tersebut.

Kajian retorik kewartawanan Melayu dapat melihat senario yang lebih wajar tentang pentingnya bidang tersebut. Pemerian tersebut dapat menjadi bukti dinamika pertumbuhan dan perkembangan bahasa Melayu sebagai bahasa moden yang mengungkapkan perihal kehidupan moden (dalam konteks bidang kewartawanan, segala maklumat semasa yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat). Penjelmaan

satu bentuk laras bahasa yang baru dalam konteks perkembangan tamadun Melayu adalah satu sumbangan besar bidang kewartawanan. Di samping itu, analisis yang dilakukan dapat memberikan penilaian terhadap kejituan penulisan kewartawanan Melayu dalam perbandingannya dengan penulisan kewartawanan dalam bahasa dan masyarakat lain di dunia.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan meneliti dan menganalisis keberkesanan bahasa yang digunakan dalam penulisan kewartawanan Melayu bagi menyampaikan maklumat. Sebagai satu jenis laras bahasa, penulisan kewartawanan memiliki ciri-ciri khusus. Ciri-ciri khusus tersebut terangkum dalam konsep retorik yang berkaitan dengan keberkesanan penggunaan bahasa.

Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk:

- (i) meneliti dan menganalisis prinsip-prinsip penulisan kewartawanan sejagat, iaitu sebagaimana yang tertampil dalam buku-buku rujukan tentang prinsip-prinsip retorik penulisan kewartawanan dan bagaimana prinsip-prinsip tersebut diterapkan dalam penulisan kewartawanan *Berita Harian*;
- (ii) menganalisis penggunaan aspek-aspek retorik pada kata, ayat dan pendulu berita dalam penulisan kewartawanan Melayu dengan mengambil *Berita Harian* sebagai sampel kajian;
- (iii) mengenal pasti perkembangan pola retorik penulisan kewartawanan *Berita Harian* dari era awal penerbitannya pada tahun 1957 hingga tahun 1999 dan perubahan yang berlaku, jika ada, dalam aspek kata, ayat dan pendulu berita.
- (iv) merumuskan bentuk retorik kewartawanan Melayu sebagai asas salah satu laras bahasa Melayu moden.

1.5 Kepentingan Kajian

- (i) Penyelidikan evolusi penulisan kewartawanan Melayu secara tuntas belum dijalankan setakat ini, oleh sebab itu tinjauan persuratan ini perlu dilakukan.
- (ii) Penyelidikan ini diharapkan dapat memaparkan bentuk dan gaya penulisan kewartawanan Melayu di Malaysia bagi memperlihatkan ciri-ciri perkembangannya.
- (iii) Penyelidikan ini dapat membantu memperkukuh pembinaan laras bahasa kewartawanan dalam bahasa Melayu.
- (iv) Hasil analisis penyelidikan ini dapat dijadikan pedoman melatih bakal wartawan menguasai teknik penulisan kewartawanan.

1.6 Skop dan Batas Kajian

Kajian ini tertumpu pada skop yang berkaitan dengan penerapan prinsip-prinsip retorik dalam penulisan kewartawanan dengan menghadkan kajian pada aspek penggunaan kata, ayat dan pendulu berita dalam sampel kajian. Sebagai kajian awal tentang retorik kewartawanan dalam akhbar berbahasa Melayu, kajian ini tidak mempertalikan pola-pola retorik yang ditemukan dengan aspek sosiopolitik, ekonomi dan sebagainya.

Dari aspek perbahanan kajian, kajian ini dihadkan pada:

- (i) Akhbar *Berita Harian* dari tahun 1957 hingga tahun 1999 sebagai bahagian akhir abad ke-20;
- (ii) Berita utama di dalam negara pada halaman pertama akhbar tersebut;
- (iii) Bahan penulisan yang dianalisis dibataskan pada berita peristiwa dalam negara sahaja, sesuai dengan tujuan untuk melihat keberkesanan gaya penulisan kewartawanan dalam membentuk pendapat umum masyarakat di negara ini. Ini juga untuk mengelakkan bahan yang mungkin berbentuk terjemahan kerana

berita luar negara lazimnya diterjemahkan atau dipadankan daripada artikel perkhidmatan berita yang dibayar.

1.7 Sejarah Akhbar *Berita Harian*

Akhbar *Berita Harian* merupakan akhbar berbahasa Melayu pertama yang dicetak dalam ejaan Rumi. Terbitannya yang pertama adalah pada 1 Julai 1957, iaitu kira-kira dua bulan sebelum negara merdeka. Penerbitannya diusahakan oleh akhbar *Straits Times* yang berpusat di Singapura, kerana merasakan perlu ada akhbar berbahasa Melayu dalam ejaan Rumi sebagai satu bentuk pengisian negara yang akan merdeka. Ketua Pengarang *Straits Times* ketika itu, Kennard L.C. Hoffman menegaskan keperluan menerbitkan sebuah akhbar berbahasa Melayu yang dapat difahami oleh lebih banyak penduduk Melayu merdeka (A. Kadir Jasin, 1988:248). Saran Hoffman disambut baik oleh A.C. Simmons selaku Pengarah Urusan *Straits Times* ketika itu.

Keluaran sulung *Berita Harian* dicetak sebanyak 4,000 naskhah. Dengan kebangkitan semangat menyambut kemerdekaan, edarannya meningkat menjadi 10,000 naskhah dan kemudian 30,000 naskhah. Walau bagaimanapun, edarannya kemudian merosot, mungkin disebabkan adanya sentimen bahawa akhbar tersebut dimiliki oleh syarikat Inggeris. Memang sebahagian besar berita dan rencana dalam akhbar tersebut pada peringkat awal diterjemahkan daripada akhbar *Straits Times* (A. Samad Ismail dalam A. Karim Haji Abdullah, 1991:128).

Teraju *Berita Harian* peringkat awal dipegang oleh wartawan daripada akhbar *Warta Negara* dan usaha mencari tenaga itu dilakukan oleh Abdul Rahim Kassim atas permintaan Hoffman. Wartawan *Utusan Melayu* tidak tertarik menyertai *Berita Harian* ketika itu kerana *Utusan Melayu* yang ditubuhkan pada tahun 1939 telah mantap dan

penyertaan dalam akhbar baru menimbulkan kebimbangan akan risiko yang mungkin dihadapi. Tiga orang wartawan awal yang menggerakkan *Berita Harian* ialah Wahab Zain, Ahmad Zaki Mohd. Isa dan Mohd. Saman Zain. Gabungan tiga tenaga itu dengan diketuai oleh Wahab Zain dibantu oleh Mustaffa Yusof daripada *The Malay Mail* dan Nordin Zainuddin daripada *Straits Times*, iaitu dua akhbar dalam kumpulan *Straits Times*. Hoffman turut menugaskan Lam Kooi Kon daripada *Straits Echo*, Larry Carrot daripada *The Malay Mail* dan Ng Yook Yoon daripada *Straits Times* membantu.

Pada 31 Mei 1957, kumpulan itu membuat naskhah percubaan akhbar itu dan tepat pada 1 Julai 1957 keluaran sulungnya diterbitkan, dengan kata alu-aluan Perdana Menteri Tuanku Abdul Rahman Putra dan Raja-raja Melayu.

Kemerosotan edaran *Berita Harian* menyebabkan pengurusan *Straits Times* mengambil langkah memperkukuh redaksinya. Hoffman berjaya mengambil A. Samad Ismail daripada *Utusan Melayu* dan sejak April 1958 bermulalah tugas Samad sebagai pengarang *Berita Harian*. Pada peringkat awalnya *Berita Harian* dikehendaki di dua pusat: satu di Kuala Lumpur dan satu lagi di Singapura, tetapi kemudian semua operasinya berpindah ke Kuala Lumpur apabila seluruh *Straits Times* berpindah ke Kuala Lumpur pada tahun 1959. *Berita Harian* di Singapura diteruskan untuk edisi Singapura sehinggalah terpisah sebagai akhbar sendiri apabila Singapura berpisah daripada Malaysia pada tahun 1965.

Menurut ulasan A. Samad Ismail sendiri, kelemahan besar pada *Berita Harian* keluaran awal ialah bahasanya yang kaku dan tegang, terutama disebabkan berita yang disadur atau diterjemahkan daripada akhbar *Straits Times* (A. Karim Haji Abdullah, 1991:129). A. Samad Ismail mengambil langkah melatih wartawan-wartawan Melayu,

kebanyakannya pemberita sambilan dari serata negara, bagi menulis berita yang berorientasikan latar setempat dan ditulis terus dalam bahasa Melayu yang lebih cocok dengan kebiasaan berbahasa masyarakat. Pada tahun 1957 dan 1958 akhbar itu telah berhasil mewujudkan rangkaian penulis daerah di merata-rata tempat di negara. Antara pemberita daerah yang diberi perhatian oleh Samad pada peringkat awal termasuklah Alias Ali dari Terengganu. Wartawan lain yang kemudian berjaya dalam bidang kewartawanan di negara ini ialah Harun Hassan. Samad menggunakan kaedah bengkel di pelbagai tempat untuk melatih penulis dan pemberita. Usaha Samad itu menunjukkan hasil apabila kandungan *Berita Harian* beberapa tahun sesudah keluaran sulung diwarnai oleh berita dan tulisan (termasuk karya kreatif seperti cerpen) yang berlatarkan keadaan dan peristiwa setempat dan kebangsaan.

Selain itu, redaksi *Berita Harian* diperkukuh dengan pengambilan wartawan berpotensi seperti Mazlan Nordin, Salim Kajai, A. Samad Said, Rashidah Ismail, Ahmad Sanusi (Asni) dan beberapa yang lain. Di bawah pimpinan A. Samad Said, *Berita Harian* segera mendapat sambutan masyarakat kerana isu-isu yang digarap bersifat kebangsaan dan selari dengan perjuangan pemimpin serta rakyat ketika itu. Antara isu yang dikobarkan oleh *Berita Harian* termasuklah isu mengisi kemerdekaan, isu bahasa kebangsaan dan pendidikan yang berorientasikan iklim dan keperluan negara. Pimpinan akhbar bekerjasama erat dengan pejuang-pejuang bahasa dan sastera pada tahun 1900-an untuk melanjutkan perjuangan kebangsaan, sebagai lanjutan daripada perjuangan sebelum kemerdekaan.

Menurut A. Samad Ismail sendiri (dalam A. Karim Haji Abdullah, 1991:131), akhbar *Berita Harian* ikut serta dalam gerakan memelopori penubuhan Universiti

Kebangsaan Malaysia, iaitu kemuncak perjuangan mendaulatkan bahasa Melayu dalam bidang pendidikan kebangsaan. Ternyata bahawa universiti yang pertama di negara ini yang berbahasa penghantar bahasa Melayu itu berjaya memulakan pengajian pada tahun 1970, iaitu 13 tahun lebih awal daripada perancangan kerajaan menjadikan bahasa Melayu bahasa penghantar utama di institusi pengajian tinggi di negara ini (tahun 1983).

Selain itu akhbar *Berita Harian* merupakan akhbar Melayu yang mula-mula mengadakan peraduan mengarang cerpen. Usaha itu telah berhasil merangsang kebangkitan dan perkembangan sastera Melayu melalui kemunculan penulis-penulis baru serta karya-karya sastera yang memperkaya khazanah persuratan Melayu. Akhbar itulah juga yang menempatkan sasterawan berwibawa seperti A. Samad Said yang mengetuai bahagian sastera dan budaya.

Pada penghujung tahun 1950-an dan sepanjang tahun 1990-an *Berita Harian* mengalami perkembangan dengan mengadakan ruangan untuk pelajar yang diterajui oleh Aishah Ghani, iaitu satu-satunya wartawan wanita yang bertugas dengan kumpulan *Straits Times* sebelum beliau menumpukan perhatian sepenuhnya dalam bidang politik. Selain itu, perkembangan akhbar tersebut ditandai juga oleh penerbitan edisi hari minggu, iaitu *Berita Minggu* bermula pada 16 Julai 1960. Pada tahun 1970-an pula jumlah halamannya bertambah daripada 10 menjadi 12 halaman dengan wajah baru. Liputan berita dan rencana lebih meluas skopnya. Antara peranan besarnya termasuklah membantu menyebarkan maklumat tentang Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang mula diperkenalkan pada tahun 1970.

Selain itu, isu-isu penyatuan semula rakyat sebagai lanjutan peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969 menjadi perhatian akhbar tersebut. Demikian juga upaya menyemarakkan sastra Melayu diperteguh dengan penyediaan ruangan karya kreatif seperti cerpen dan sajak. Aspek lain yang ketara diberi perhatian, ialah isu-isu yang berkaitan dengan wanita, peranan dan sumbangannya dalam konteks negara yang sedang membangun.

Dari sudut komposisi karyawannya, tahun 1970-an turut memperlihatkan perkembangan dengan penyertaan sejumlah wartawan wanita. Antaranya termasuklah Adibah Amin, Siti Bidayah Ahmad dan Zubaidah Abdul Rahman. Bagaimanapun, dekad tersebut menyaksikan kehilangan tokoh penting *Berita Harian* apabila A. Samad Ismail meninggalkannya pada tahun 1972.

Tahun 1980-an pula menandai babak penting *Berita Harian* apabila dilakukan pemecahan Jabatan Pengarang kepada Bahagian Melayu dan Bahagian Inggeris melalui penubuhan dua buah anak syarikat pada bulan Jun 1985. *Berita Harian* beroperasi di bawah Berita Harian Sendirian Berhad manakala penerbitan edisi Inggeris dikendalikan oleh *New Straits Times* Sendirian Berhad. Teraju penting *Berita Harian* ketika itu ialah Ahmad Sebi Abu Bakar yang menjadi pengarang kumpulannya. Pemisahan *Berita Harian* daripada *Straits Times* mempunyai makna yang signifikan dalam konteks kewujudan sebuah akhbar berbahasa Melayu yang berautonomi dengan pengertian mempunyai dasar dan hala tuju sendiri.

Selain itu, dalam era inilah *Berita Harian* memanfaatkan teknologi moden dalam bidang persuratkhabaran. Penggunaan komputer dilaksanakan dari peringkat memproses berita (bermula dengan penulisan) hingga peringkat prapercetakan. Dari

segi percetakan, ditubuhkan loji-loji percetakan yang mewakili wilayah tertentu di negara ini. Selain di Kuala Lumpur, terdapat percetakan di Johor, di Pulau Pinang dan di Dungun, Terengganu.


Perkembangan *Berita Harian* yang berlaku dalam era sesudah kemerdekaan telah melalui lebih daripada empat dekad. Sehingga kini *Berita Harian* telah mantap sebagai salah sebuah akhbar kebangsaan dan bertaraf akhbar perdana. Selaras dengan perkembangan ilmu di kalangan masyarakat, akhbar tersebut telah memperlihatkan keseimbangan dalam penyiaran berita dengan pemaparan rencana yang berisi ilmu dalam pelbagai bidang. Secara keseluruhannya, *Berita Harian* telah memenuhi keseluruhan fungsi akhbar yang telah dikemukakan oleh Malcom M. Wiley (dalam Simmons, 1947), iaitu fungsi berita, fungsi editorial, fungsi latar belakang, fungsi hiburan dan fungsi ensiklopedik. Dalam konteks pemenuhan peranannya sebagai institusi sosial, akhbar tersebut telah dapat menjadi salah satu agen perubahan sosial dan pembentuk pendapat awam. Dalam hubungan itu jugalah *Berita Harian* dapat dikatakan turut berperanan sebagai salah satu agen pembinaan negara.

1.8 Kaedah dan Kerangka Analisis

Kaedah analisis wacana media pada peringkat awalnya diasaskan pada kaedah analisis cerita, khususnya analisis Labov tentang naratif pengalaman peribadi dalam perbualan (Labov dan Waletzky, 1967; Labov, 1972). Selanjutnya, van Dijk (1988) selaku ahli linguistik teks yang menumpukan perhatiannya pada kajian bahasa. Allan Bell (1991) mengembangkan kaedah yang diperkenalkan oleh Labov dan van Dijk dengan mengemukakan kerangka analisis yang setakat kajian ini dilakukan bersifat terkini. Kerangka analisis Bell itu berasaskan tiga unsur yang utama, iaitu *penerangan (attribution)*, *abstrak (abstract)* dan *cerita sebenar (story proper)*. Penerangan mana

berita diperoleh tidak semestinya eksplisit, dan boleh merupakan kredit kepada agensi berita atau nama wartawan dan boleh juga menyatakan tempat dan masa. Abstrak pula terdiri daripada pengenalan berita dan judul berita. Pengenalan merangkum peristiwa induk berita yang dipaparkan dan mungkin disertai satu atau dua peristiwa sampingan atau peristiwa kecil yang berkaitan dengan peristiwa induk itu. Di dalamnya, dengan sendirinya terkandung pelaku dan latar yang berkaitan. Berita sebenar atau badan berita pula terdiri daripada satu atau dua episod yang mewakili satu atau lebih peristiwa. Peristiwa mestilah memerikan pelaku dan tindakan, sering kali menyatakan latar masa dan tempat dan mungkin juga turut memberikan penerangan eksplisit tentang sumber maklumat.

Selain tiga unsur utama itu, tiga unsur lain yang menandai struktur wacana berita ialah latar belakang (*background*), ulasan (*commentary*) dan susulan (*follow-up*) (Bell, 2000:67). Latar belakang menceritakan kejadian atau peristiwa sebelum. Ulasan memberikan pemerhatian wartawan tentang tindakan, penilaian dan kupasannya tentang peristiwa. Susulan pula berkaitan dengan peristiwa sesudahnya, misalnya reaksi pihak lain atau kesan bukan verbal yang timbul sesudah peristiwa. Unsur susulan ini seringkali menjadi asas penulisan dan penerbitan berita lanjut tentang peristiwa dalam keluaran lain. Model struktur wacana teks berita yang dikemukakan oleh Bell dapat digambarkan dalam Rajah 1.1.



Rajah 1.1 : Model Struktur Wacana Teks Berita (Bell, 1991:171)

Sebagai pengenalan analisis, Bell mengemukakan analisis berita satu ayat kerana menurutnya, berita minimum yang lengkap dapat terdiri daripada satu ayat panjang. Banyak akhbar yang menerbitkan berita sedemikian sama ada untuk mengisi ruang di sudut atau ruang khusus berita ringkas. Dalam berita penyiaran, berita satu ayat merupakan bentuk berita yang cukup dominan. Dalam konteks wacana berita, yang terdiri daripada beberapa ayat atau perenggan, binaan berita satu ayat menjadi asas pembinaan ayat pertama dalam bahagian pengenalan, kerana dalam ayat itulah terangkum unsur-unsur utama peristiwa yang diberitakan. Bell menggunakan berita yang dipetik daripada *Associated Press*, *Reuters* dan *Agence France Presse* yang merupakan model gaya kewartawanan Barat.

Lima berita satu ayat yang dijadikan contoh analisisnya ialah:

(i) **Clashes kill eight**

At least eight people have died in tribal fighting in the Bimbila region of northern Ghana. – AFP

(ii) **Fumed out**

Tokyo: Two *sake* brewers were seriously ill after being overcome by fumes when one fell into a half-full vat and the other was trapped trying to rescue him.

– Reuter

(iii) **Deportation setback**

Storms over Iceland delayed the deportation from Norway yesterday of 12 American anti-abortion activists who had allegedly planned to stage demonstrations during the Winter Olympics and were detained by police when they arrived at Oslo's airport. – AP

(iv) **Icicle horror**

A woman was fighting for life last night after a giant icicle fell 30 storeys from a New York skyscraper and speared her.

(v) **Awaiting the end**

Communist North Korea is building an underground mausoleum and waterproof glass coffin to await the death of its "Great Leader", President Kim Il-Sung, a South Korean press report said. -- AFP


Contoh pertama memaparkan satu peristiwa yang menyatakan:

Pelaku - 'at least eight people'

Kejadian - 'have died in tribal fighting'

Latar, khususnya tempat - 'in the Bimbila region of northern Ghana'.

Struktur teks berita itu dapat digambarkan seperti pada Rajah 1.2.



Rajah 1.2 : Struktur Wacana Contoh Ayat 1


Contoh 2 memadukan rangkaian lima kejadian atau tindakan dalam satu ayat:

- (i) first *sake* brewer falls into vat;
- (ii) second brewer goes to save him;
- (iii) second brewer also gets trapped;
- (iv) both brewers overcome with fumes;
- (v) both now seriously ill.

Contoh 3 pula terdiri daripada urutan empat peristiwa yang kompleks pemancangan latar masa dan tempatnya. Empat peristiwa itu ialah:

- (i) Anti-abortion activists had allegedly planned to stage demonstrations during the Winter Olympics;
- (ii) detained by police when they arrived at Oslo airport;
- (iii) had been scheduled for deportation from Norway yesterday;
- (iv) deportation delayed by storms over Iceland.

Tiga daripada peristiwa itu mempunyai spesifikasi tempat yang berlainan dan keempat-empat peristiwa mempunyai spesifikasi masa yang berlainan. Gambaran struktur teks berita itu dapat digambarkan pada Rajah 1.3.



Rajah 1.3 : Struktur Wacana Berita Contoh Ayat 3

Pada tahap mikronya, Bell merumuskan bahawa semua berita yang dijadikan sampel analisis itu memperlihatkan beberapa ciri yang penting. Pertama, kesemuanya memaparkan peristiwa utama, pelaku, tempat dan masa (kecuali contoh 1 yang tidak menyatakan masa). Kedua, semua berita itu menitikberatkan nilai berita yang dikandungnya. Nilai berita yang didukung itu dibantu dengan penggunaan leksikon seperti '*fighting for life*', '*giant icicle*', '*fell 30 storeys*', '*New York skyscraper*', '*speared*'. Yang terpenting daripada semua itu ialah adanya suatu struktur wacana berita yang padu atau koheren yang terdiri daripada unsur-unsur asas yang membentuk teks berita, iaitu penerangan, abstrak, cerita sebenar, latar belakang, ulasan dan susulan sebagaimana yang dianalisis oleh Bell.

Untuk kajian ini, dua aras utama yang diberi perhatian ialah *ranah mikro (micro domain)* dan *ranah makro (macro domain)*. Yang dimaksudkan dengan ranah mikro ialah aspek-aspek yang melibatkan aras linguistik ayat dan di bawah ayat, khususnya kata atau leksikon. Yang dimaksudkan dengan ranah makro pula ialah struktur wacana teks berita sebagai hasil paduan unsur-unsur linguistik dalam ranah mikro. Aspek-aspek yang dianalisis dalam ranah mikro pada aras kata ialah:

- (i) kata konkrit dan abstrak;
- (ii) kata neutral dan emotif;
- (iii) kata mubazir;
- (iv) kata lazim dan jargon;
- (v) kata asli dan kata ambilan asing.

Pada aras ayat pula, aspek yang dianalisis meliputi:

- (i) panjang
- (ii) ayat (yang kurang dan yang lebih daripada 35 patah kata);

- (ii) ayat aktif dan ayat pasif;
- (iii) ayat sederhana dan ayat kompleks;
- (iv) ayat dengan satu gagasan atau lebih.

Semua aspek yang dipilih itu didasarkan pada prinsip-prinsip penulisan kewartawanan yang telah dibincangkan dalam bab ini lebih awal. Dalam ranah makro pula, analisis dibuat berdasarkan model Bell yang telah dikemukakan di atas. Setiap aspek dianalisis berdasarkan sumber data yang terdiri daripada berita utama pada halaman hadapan akhbar *Berita Harian*. Pada peringkat pertama, data dianalisis dari bulan ke bulan bagi sesuatu tahun (1957-1999) dan kemudian dihimpunkan untuk diperhatikan kekerapannya dalam setiap dekad sehingga diharapkan dapat diperlihatkan ciri gaya penulisan kewartawanan dalam akhbar tersebut dari dekad ke dekad dalam Bab 4 dan Bab 5.

1.9 Definisi Konsep

1.9.1 Bahasa

Bahasa ialah suatu sistem komunikasi manusia yang secara kasarnya dapat dibahagi kepada dua komponen utama, iaitu lambang bunyi (*signifier*) dan konsep mental (*signified*), sebagai gambaran hubungan antara makna dengan bentuk (de Saussure, 1993). Bahasa dapat juga dilihat dari sudut keupayaan berbahasa (*linguistic competence*) dan pelaksanaan berbahasa (*linguistic performance*), (Chomsky, 1957 dan 1965). Dari sudut fungsinya bahasa dilihat sebagai suatu fenomena sosial, iaitu sebagai alat komunikasi yang ditentukan oleh pelbagai faktor sosial (Halliday dan Hassan, 1980).

1.9.2 Laras Bahasa

Laras bahasa ialah ragam atau variasi bahasa yang ditentukan oleh faktor bidang, hubungan dan media. Dengan berdasarkan faktor bidang, terdapat laras bahasa seperti, laras bahasa undang-undang, laras bahasa ilmiah, laras bahasa laporan, laras bahasa kreatif dan sebagainya. Dengan berdasarkan faktor hubungan pula, terdapat laras bahasa kekeluargaan, laras bahasa diraja dan sebagainya. Faktor media pula menyebabkan wujudnya laras bahasa lisan dan laras bahasa tulisan. Laras bahasa berita atau kewartawanan ialah ragam atau variasi bahasa yang terbentuk berasaskan bidang. (Awang Sariyan, 1996).

1.9.3 Wacana

Wacana ialah realisasi bahasa dalam bentuk yang lebih lengkap dan terbentuk daripada unsur-unsur fonologi (bunyi bahasa), morfologi (morfem dan kata) dan sintaksis (frasa, klausa dan ayat). Wacana pada asasnya berbentuk lisan dalam perkembangan bahasa tetapi dapat juga berbentuk tulisan. Antara ciri yang menandai wacana ialah adanya kesatuan fikiran, tautan dan kohesi (Asmah Haji Omar, 1980 dan Sanat Mohd. Nasir, 1996). Wacana boleh terdiri daripada ayat, sejumlah ayat, ceraiian bab buku, siri buku atau sebagainya (Asmah Haji Omar, 1980).

1.9.4 Retorik

Retorik pada asalnya merupakan seni atau kecekapan berpidato untuk mempengaruhi khalayak. Bagaimanapun, untuk mengetahui perkembangan selanjutnya, diperluas konsepnya sebagai disiplin yang mengajarkan penggarapan wacana secara sistematik untuk tujuan membina saling pengertian (Becker, 1976). Dengan perkataan lain, retorik berkaitan dengan strategi komunikasi yang berkesan baik secara lisan mahupun tulisan.

1.9.5 Kata

Kata merupakan unit kedua dalam morfologi yang lebih tinggi daripada unit morfem. Dari segi bentuknya, kata terbahagi kepada kata tunggal (kata yang dapat wujud sendiri tanpa imbuhan atau morfem lain), kata terbitan (kata berimbuhan), kata ganda (kata ulang) dan kata majmuk (kata yang berpadu dengan kata atau morfem lain). Dalam kajian ini, kajian dari sudut kata melibatkan konsep *kata konkrit*, *kata abstrak*, *kata neutral*, *kata emotif*, *kata adjektif khusus*, *kata lazim*, *istilah/jargon*, *kata asli* dan *kata pinjaman*. Kata konkrit merujuk kepada kata yang tepat dan jelas maknanya, misalnya *peningkatan per kapita* berbanding dengan kata abstrak seperti *kemajuan*.

Konsep *kata neutral* pula berkaitan dengan kata yang tidak mendukung perasaan atau sentimen (dalam konteks kajian ini perasaan penulis berita), misalnya kata *tidak demokratik* lebih neutral daripada kata emotif seperti *buas* dalam ayat *Pemimpin yang buas itu akhirnya digulingkan*. Kata *adjektif khusus* pula ialah adjektif yang menjelaskan sifat sesuatu dengan jelas, misalnya kata *gagal* lebih khusus daripada *adjektif yang kabur* seperti *lumpuh* dalam ayat *Mereka akan lumpuh untuk menjalankan perusahaan tersebut*.

Kata lazim pula ialah kata umum sebagai lawan *istilah/jargon*, iaitu kata yang digunakan sehari-hari oleh masyarakat umum, sementara *istilah/jargon* ialah kata yang mendukung makna teknikal bagi mewakili bidang atau domain tertentu.

1.9.6 Ayat

Ayat ialah unit sintaksis yang tertinggi, iaitu di atas frasa dan klausa, yang terdiri daripada dua konstituen utama, iaitu *subjek* dan *predikat*. Ayat jika dilihat dari segi binaannya terdiri daripada ayat tunggal dan ayat majmuk. Ayat tunggal ialah ayat

selapis (menurut istilah Za`ba, 2000), iaitu yang terdiri daripada satu subjek dan satu predikat. Ayat majmuk ialah ayat yang terdiri daripada dua atau lebih ayat dan digabungkan melalui proses penggabungan dan pemancangan sehingga lahir tiga jenis ayat majmuk, iaitu ayat majmuk gabungan, ayat majmuk pancangan dan ayat majmuk campuran (huraian yang lebih mendalam diberikan dalam Bab 5). Dalam kajian ini, selain ayat dari segi binaannya, dianalisis ayat yang berkesan, iaitu ayat yang berhasil menyusun dan menuangkan gagasan-gagasan seseorang untuk dikomunikasikan kepada orang lain (Gorys Keraf, 1984). Tiga ciri utama ayat yang berkesan ialah kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran (huraian lebih mendalam dalam Bab 5).

1.9.7 Keberkesanan

“keberkesanan” dalam kajian ini merujuk kepada penerapan alat-alat retorik untuk menyampaikan mesej dengan berkesan. Dalam kajian ini, penulisan kewartawanan sebagai bidang penyaluran maklumat kepada masyarakat massa memerlukan keberkesanan bahasa. Keberkesanan bahasa dapat dilihat pada tiga aras linguistik, iaitu kata, ayat dan wacana. Pada aras kata, keberkesanan dianalisis dengan memperhatikan ciri-ciri penggunaan kata yang menandai laras bahasa penulisan kewartawanan, iaitu kata konkrit, kata neutral, kata adjektif dengan rujukan khusus, kata biasa dan kata asli (lihat 1.9.5). Pada aras ayat, perhatian ditumpukan pada kompleksiti ayat dan tiga ciri ayat berkesan (*effective sentence*) (lihat 1.9.6). Pada aras wacana keberkesanan dilihat pada binaan pendulu, iaitu bahagian terpenting dalam wacana berita. Pendulu sebagai sebahagian berita dapat mewakili wacana (lihat 1.9.3).